



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

08 September 2017

SUARA MSWG

KERTAS RUNDINGAN BURSA MALAYSIA NO. 3/2017: LEBIH PENGAWASAN, LEBIH KETELUSAN

Bursa Malaysia sedang mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai beberapa pindaan yang dicadangkan kepada Keperluan Penyenaraian (LR) untuk syarikat-syarikat yang disenaraikan di pasaran Utama dan Pasaran ACE.

Bursa berhasrat untuk menyelaraskan protokol ini dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) baharu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada April 2017.

Pada masa itu, SC telah meminda buku panduan CG untuk memasukkan elemen baharu dalam MCCG misalnya pendekatan Fahami, Aplikasi dan Laporkan (Comprehend, Apply and Report atau 'CARE') yang mengalihkan tanggungjawab daripada "patuh atau jelaskan" kepada "aplikasikan atau jelaskan alternatif" serta mengambil pendekatan dengan kadar yang berbeza, mengikut perbezaan saiz dan kerumitan penerbit yang tersenarai.

Selain itu ada juga penekanan yang lebih besar terhadap tumpuan dan kejelasan pada keputusan yang diharapkan, lebih daripada sekadar memenuhi kehendak pentadbiran dan birokrasi. Amalan "Tingkatkan" diperkenalkan bagi menggalakkan syarikat untuk terus maju dalam mencapai kecemerlangan korporat.

Oleh itu, mahu tidak mahu, Bursa perlu membuat semakan semula ke atas LR untuk mencerminkan perubahan ini.

Walaupun nampak membebankan daripada luaran, objektifnya agak mudah.

Bursa ingin meningkatkan kualiti pendedahan CG, menggalakkan ketelusan (dengan mensyaratkan laporan CG yang berasingan) serta menawarkan para pemegang saham dengan pemahaman yang lebih baik mengenai amalan CG syarikat. Gambaran keseluruhan dapat dilihat melalui cara sesebuah syarikat mengaplikasikan amalan CG sebagaimana yang dinyatakan dalam MCCG dalam tahun kewangan semasa.

Tidak kurang penting, cadangan itu juga merangkumi penambahbaikan pengawasan jawatankuasa audit ke atas fungsi audit dalaman.

Apabila membicarakan tentang perkembangan dalam CG, buat masa ini, langkah-langkah yang dinyatakan menjurus ke arah yang betul.

PELUANG GANJARAN

Kami tidak pasti sama ada perkara ini yang pertama di Asia. Bursa turut menawarkan ganjaran kepada syarikat tersenarai yang komited kepada pematuhan CG.

Insentif Bursa ini dikenali sebagai Dasar Lorong Hijau (“GLP”), yang disasarkan kepada 30 syarikat tersenarai teratas dan dianugerahkan berdasarkan standard amalan pendedahan serta tata kelakuan tadbir urus korporat yang baik.

Menurut Bursa, GLP memberi keistimewaan tertentu seperti pengisuan pekeliling yang lebih cepat kepada para pemegang saham yang bermakna masa yang lebih efisien untuk memasarkan cadangan korporat mereka. Ini memberikan pendedahan yang lebih baik yang dapat mempertingkatkan nilai pemegang saham dalam jangka panjang.

Di bawah GLP, Bursa tidak perlu menyemak terlebih dahulu pekeliling, kecuali cadangan yang lebih rumit seperti pelupusan ketara, penswastaaan, urus niaga dan transaksi pihak berkaitan yang melibatkan aset gas, minyak dan mineral (dikenali sebagai “Pekeliling Kompleks”).

Seperti kebanyakan istilah komersil, kami gembira apabila mengetahui akan ada ulasan pasca pelaksanaan yang tetap, yang mungkin dapat memperluaskan kriteria kelayakan supaya dapat menambah penyertaan lebih banyak syarikat tersenarai, tanpa menjejaskan objektif pengawalseliaan.

DIVERSITI PASTI, BUKAN LAGI SATU KEMUNGKINAN

Isu diversiti dalam lembaga pengarah bukanlah perkara baharu. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menekankan kepentingannya dengan mendakwa beliau akan ‘menamakan dan memalukan’ syarikat-syarikat yang tidak patuh dan mungkin akan menahan kontrak kerajaan demi memenuhi objektif beliau supaya lembaga pengarah korporat terdiri daripada 30% wanita menjelang 2020.

Tanpa menamakan sesiapa, beliau menyatakan ‘malangnya masih ada ... 17 syarikat tersenarai dalam 100 teratas yang tiada wanita langsung dalam lembaga pengarah mereka.’

Kebenaran yang tidak dijangka dan kami maksudkan ‘tidak dijangka’ adalah kerana Malaysia telah memulakan usaha untuk memperkenalkan diversiti dalam lembaga pengarah secara sukarela namun atas sebab atau alasan tertentu, gagal memenuhi sasaran ini.

Bertitik tolak daripada kenyataan PM, kita mungkin memerlukan pendekatan yang lebih tegas dari atas ke bawah.

Walaupun bagaimanapun, Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang gagal mencapai sasaran. Jerman, Perancis, Belgium, Iceland dan Itali adalah beberapa negara OECD yang memutuskan untuk memperkenalkan kuota mandatori, berikutan kegagalan mereka untuk memenuhi matlamat yang sama.

Sebaliknya di Amerika Syarikat, yang tidak meletakkan sasaran mandatori atau sukarela, keputusannya dapat dilihat dengan jelas.

Perwakilan wanita dalam lembaga pengarah syarikat S&P 500 tidak meningkat dengan ketara sepanjang sedekad yang lalu iaitu sekadar 18.7%. Jumlah ini tidak setanding dengan sebahagian besar syarikat di Eropah.

MAKLUMAT TERKINI PASARAN DAN KAWAL SELIA

BURSA MALAYSIA LANCARKAN INSENTIF LORONG HIJAU KE ATAS 30 SYARIKAT TERATAS UNTUK AMALAN TADBIR URUS KORPORAT DAN PENDEDAHAN YANG BAIK

Bursa Malaysia melaksanakan insentif Dasar Lorong Hijau (“GLP”) kepada 30 syarikat tersenarai teratas berdasarkan standard amalan pendedahan dan tata kelakuan tadbir urus korporat yang baik.

GLP memberi keistimewaan tertentu kepada syarikat-syarikat tersenarai termasuk penerbitan pekeliling yang lebih cepat kepada para pemegang saham. GLP mensasarkan untuk mengenali dan memberi ganjaran kepada syarikat-syarikat ini dengan memudahkan masa untuk memasarkan cadangan korporat mereka.

Di bawah GLP, Bursa tidak perlu lagi menyemak terlebih dahulu pekeliling yang dikeluarkan oleh syarikat tersenarai kecuali yang melibatkan cadangan yang lebih rumit seperti pelupusan yang ketara atau penswastaan, urus niaga dan transaksi pihak berkaitan yang melibatkan aset gas, minyak dan mineral (“Pekeliling Kompleks”). Ini bermakna syarikat-syarikat tersenarai ini boleh mengeluarkan pekeliling kepada para pemegang saham mereka sebaik sahaja mereka bersedia tanpa perlu menunggu Bursa untuk mengkaji semula perkara yang sama. Bursa juga akan mempercepatkan pemprosesan Pekeliling Kompleks yang masih perlu dikaji semula.

Di bawah rangka kerja sedia ada, tidak kira profil risiko syarikat tersenarai atau kerumitan pekeliling, semua pekeliling kepada para pemegang saham (tidak termasuk “pekeliling yang dikecualikan”) tidak boleh dikeluarkan sehingga Bursa mengesahkan secara bertulis bahawa ia tiada komen lanjut mengenai dokumen itu. Ini ditakrifkan dalam Nota Amalan 18 Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia (“LR”) dan yang dinyatakan di bawah Perenggan 9.30 (2) LR)

Bagi fasa awal GLP, Bursa telah memilih dan mengenal pasti syarikat-syarikat tersenarai yang layak daripada komponen FBMKLCI, selepas mempertimbangkan, antara lain, pentadbiran berkaitan tadbir urus syarikat tersenarai dan lembaga pengarah mereka. Senarai syarikat tersenarai yang layak akan dikaji dari semasa ke semasa demi memastikan kelayakan berterusan mereka untuk berada dalam senarai.

Melangkah ke hadapan, Bursa Malaysia akan melakukan kajian pasca pelaksanaan untuk melihat keberkesanan GLP. Bursa boleh memperluaskan kriteria kelayakan untuk menambah bilangan kumpulan syarikat tersenarai, dengan langkah dan kawalan yang perlu demi memastikan Bursa terus cakna dengan keperluan syarikat tersenarai tanpa menjejaskan objektif pengawalseliaan.

[Sumber: Siaran media di laman web Bursa Malaysia pada 29 Ogos 2017]

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 11 - 15 SEPTEMBER 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
13.09.17 (Rabu) 10.00 pagi	Enra Group Bhd (AGM)	TPC Kuala Lumpur (dahulu dikenali sebagai KLGCC), Off Jalan Bukit Kiara, KL
13.09.17 (Rabu) 10.00 pagi	Land & General Bhd (AGM)	the Sri Damansara Club, Persiaran Perdana, Bandar Sri Damansara, KL
14.09.17 (Khamis) 09.00 pagi	Asiamet Education Group Bhd (CCM)	MiGHT Building, 3517, Jalan Teknokrat 5, Cyberjaya
14.09.17 (Khamis) 10.00 pagi	Asiamet Education Group Bhd (EGM)	MiGHT Building, 3517, Jalan Teknokrat 5, Cyberjaya

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Enra Group Bhd (AGM)	<p>Kumpulan kini berada di peringkat awal penilaian peluang menaik taraf dan mengembangkan kemudahan Enra Kimia untuk menyokong perniagaannya yang semakin berkembang serta memastikan keselamatan perniagaan, termasuk potensi pembinaan sebuah gudang baharu.</p> <p>(i) Apakah potensi pertumbuhan Enra Kimia dan bagaimanakah Syarikat mengekalkan daya saing?</p> <p>(ii) Apakah jangkaan kos bagi gudang baharu?</p>
Land & General Bhd (AGM)	<p>Analisis dan Perbincangan Pengurusan menyatakan Kumpulan menyaksikan peningkatan dalam tempahan dan kadar pengambilan berbanding tahun sebelumnya.</p> <p>(i) Apakah kadar pengambilan purata untuk hartanah yang dijual dalam TK2017?</p> <p>(ii) Berapakah jumlah jualan yang belum dibilkan pada 31 Mac 2017?</p>
Asiamet Education Group Bhd (EGM)	<p>Surat Nasihat Bebas daripada Mercury Securities Sdn Bhd menyatakan, asas dan justifikasi bagi Pertimbangan Pembelian dan Harga Terbitan adalah berdasarkan model penilaian DCF yang menghasilkan pelbagai nilai saksama untuk perniagaan Kumpulan CESB iaitu di antara RM158.21 juta dan RM177.70 juta.</p> <p>(i) Bolehkah Lembaga jelaskan mengapa Pertimbangan Pembelian yang berada dalam julat, yang mewakili premium sebanyak 4.92% kepada julat yang rendah dan diskaun 6.58% kepada julat yang tinggi, boleh dijustifikasi?</p> <p>(ii) Bagaimanakah Lembaga Pengarah menjelaskan rasional bagi Harga Terbitan Saham Pertimbangan untuk berada pada RM0.20 bagi setiap Saham AEGB (tetapi tidak menjejaskan kepentingan pemegang saham yang tidak berminat) yang mana lebih rendah daripada proforma NA yang disatukan bagi setiap Saham AEGB bernilai RM0.30 pada 31 Disember 2016 (selepas pelarasan untuk jualan semula dalam pasaran terbuka 33,829,900 Saham AEGB yang dipegang sebagai saham perbendaharaan pada Januari 2017)?</p> <p>(iii) Bagaimanakah Lembaga mempertimbangkan dan menilai asas dan justifikasi bagi SESB dan PACnya untuk mendapatkan kawalan statutori ke atas AEGB pada harga yang mewakili diskaun 33.33% kepada proforma NA yang disatukan bagi setiap Saham AEGB dan bukannya premium untuk kawalan statutori yang akan memanfaatkan pemegang saham minoriti?</p> <p>(iv) Siapakah pelabur langsung yang dikenal pasti bagi Penempatan SESB memandangkan ia perlu diselesaikan menjelang pertengahan Oktober 2017?</p>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.